



MALAYSIA
INTERNATIONAL
TRADITIONAL ARCHERY
FESTIVAL 2025

MITAF 2025: PANDUAN KEJOHANAN

NAMA ACARA

FESTIVAL MEMANAH TRADISIONAL ANTARABANGSA MALAYSIA 2025

PENGANJUR

PERSATUAN MEMANAH TRADISIONAL MALAYSIA (TAAM)

TARIKH / JADUAL ACARA

9 - 12 OKTOBER 2025

8 Oktober 2025 / Rabu

Ketibaan Peserta Antarabangsa

9 Oktober 2025 / Khamis / Hari Pertama

Majlis Perasmian

Format TAAM (Dewasa – Individu & Berpasukan)

Pusingan Kelayakan

10 Oktober 2025 / Jumaat / Hari Kedua

Format Turkiye (Fetih Kupasi) (Dewasa – Individu)

Pusingan Kelayakan

11 Oktober 2025 / Sabtu / Hari Ketiga

TAAM Junior Open

12 Oktober 2025 / Ahad / Hari Keempat

Pusingan Penyingkiran

Format TAAM & Turkiye

Majlis Penutupan

LOKASI ACARA

Taman Bandar Kwasa Damansara,
Seksyen U4, 40160 Shah Alam, Selangor

TARIKH PENTING

Pendaftaran Awal: 8 Julai 2025 – 31 Ogos 2025

Pendaftaran Lewat: 1 September 2025 – 15 September 2025

Pendaftaran Ditutup: 15 September 2025

Nota

Penginapan dan pengangkutan tidak akan disediakan untuk para peserta. Walau bagaimanapun, pihak penganjur akan sedaya upaya membantu peserta yang memerlukan panduan atau bantuan untuk mengatur perkhidmatan tersebut.

KELAYAKAN

Kejohanan ini terbuka kepada semua pemanah tradisional.

Bagi kategori junior, kelayakan umur adalah berdasarkan tahun kelahiran. Sebagai contoh, bagi kategori Bawah 17 Tahun, peserta yang lahir pada tahun 2008 atau selepasnya layak untuk bertanding. Umur minimum bagi kategori junior ialah 10 tahun.

Bagi kategori dewasa, umur minimum yang dibenarkan ialah 14 tahun (lahir pada tahun 2011 atau sebelumnya).

PENDAFTARAN / PEMBAYARAN YURAN

<https://mitaf2025.ubertickets.asia>

Semua urusan pendaftaran dan pembayaran yuran akan dibuat melalui platform Uberticket. Halaman pendaftaran berasingan akan disediakan untuk peserta tempatan dan antarabangsa.

KATEGORI & YURAN

Bil.	KATEGORI	Yuran Malaysia/Lewat	Yuran Antarabangsa/ Lewat
1	TAAM - Individu Lelaki	RM100 / RM150	RM231/ RM462
2	Turkiye (FK) - Individu Lelaki	RM100 / RM150	RM231/ RM462
3	TAAM - Individu Wanita	RM100 / RM150	RM231/ RM462
4	Turkiye (FK) - Individu Wanita	RM100 / RM150	RM231/ RM462
5	TAAM - Berpasukan Lelaki	RM100 / RM150	RM231/ RM462
6	TAAM - Berpasukan Wanita	RM100 / RM150	RM231/ RM462
7	Lelaki B12 (Natural Arrow)	RM100 / RM150	RM231/ RM462
8	Lelaki B12 (Open Arrow)	RM100 / RM150	RM231/ RM462
9	Perempuan B12 (Natural Arrow)	RM100 / RM150	RM231/ RM462
10	Perempuan B12 (Open Arrow)	RM100 / RM150	RM231/ RM462
11	Lelaki B15 (Natural Arrow)	RM100 / RM150	RM231/ RM462
12	Lelaki B15 (Open Arrow)	RM100 / RM150	RM231/ RM462
13	Perempuan B15 (Natural Arrow)	RM100 / RM150	RM231/ RM462
14	Perempuan B15 (Open Arrow)	RM100 / RM150	RM231/ RM462
15	Lelaki B17 (Natural Arrow)	RM100 / RM150	RM231/ RM462
16	Lelaki B17 (Open Arrow)	RM100 / RM150	RM231/ RM462
17	Perempuan B17 (Natural Arrow)	RM100 / RM150	RM231/ RM462
18	Perempuan B17 (Open Arrow)	RM100 / RM150	RM231/ RM462

HADIAH

		Johan	Kedua	Ketiga
Bil.	KATEGORI	(dalam RM)		
1	TAAM - Individu Lelaki	3,000	2,000	1,000
2	Turkiye (FK) - Individu Lelaki	3,000	2,000	1,000
3	TAAM - Individu Wanita	3,000	2,000	1,000
4	Turkiye (FK) - Individu Wanita	3,000	2,000	1,000
5	TAAM - Berpasukan Lelaki	3,000	2,000	1,000
6	TAAM - Berpasukan Wanita	3,000	2,000	1,000
7	Lelaki B12 (Natural Arrow)	1,500	1,000	500
8	Lelaki B12 (Open Arrow)	1,500	1,000	500
9	Perempuan B12 (Natural Arrow)	1,500	1,000	500
10	Perempuan B12 (Open Arrow)	1,500	1,000	500
11	Lelaki B15 (Natural Arrow)	1,500	1,000	500
12	Lelaki B15 (Open Arrow)	1,500	1,000	500
13	Perempuan B15 (Natural Arrow)	1,500	1,000	500
14	Perempuan B15 (Open Arrow)	1,500	1,000	500
15	Lelaki B17 (Natural Arrow)	1,500	1,000	500
16	Lelaki B17 (Open Arrow)	1,500	1,000	500
17	Perempuan B17 (Natural Arrow)	1,500	1,000	500
18	Perempuan B17 (Open Arrow)	1,500	1,000	500

*Hadiah-hadiah lain akan diberi berdasarkan tajaan semasa.

TAAM INDIVIDU LELAKI & WANITA – PUSINGAN KELAYAKAN

- Setiap pemanah dikehendaki memamah 6 anak panah bagi setiap end dalam 3 pusingan, setiap satunya pada jarak berbeza:
- Pusingan 1: 6 anak panah × 5 end pada jarak 50 meter
- Pusingan 2: 6 anak panah × 5 end pada jarak 40 meter
- Pusingan 3: 6 anak panah × 5 end pada jarak 30 meter
- Masa yang dibenarkan bagi setiap end: 120 saat
- Kedudukan akhir akan ditentukan berdasarkan jumlah mata daripada kesemua 90 anak panah (merangkumi ketiga-tiga pusingan).
- 64 pemanah terbaik (1/32) bagi setiap kategori (Lelaki dan Wanita) akan layak ke Pusingan Penyingkiran Individu.

TAAM INDIVIDU LELAKI & WANITA – PUSINGAN PENYINGKIRAN (1/32)

- Setiap pemanah akan memamah 6 anak panah setiap set.
- Jarak sasaran: 40 meter
- 3 set digunakan dengan sistem mata terkumpul. Pemenang akan mara ke pusingan seterusnya.
- Sekiranya seri, ia akan ditentukan melalui 1 anak panah penentuan (shoot off) – markah tertinggi / paling hampir ke titik puncak (5).
- Masa dibenarkan setiap set: 120 saat

TURKIYE (FK) INDIVIDU LELAKI & WANITA – PUSINGAN KELAYAKAN

- Setiap pemanah dikehendaki memamah 9 anak panah bagi setiap end, dengan jumlah keseluruhan 7 end.
- Jarak sasaran: 50 meter
- Masa dibenarkan setiap end: 180 saat
- Kedudukan akhir akan ditentukan berdasarkan jumlah mata daripada semua 63 anak panah.
- 64 pemanah terbaik bagi setiap kategori (Lelaki dan Wanita) akan layak ke Pusingan Penyingkiran Individu.

TURKIYE (FK) INDIVIDU LELAKI & WANITA – PUSINGAN PENYINGKIRAN (1/32)

- Setiap pemanah akan memamah 9 anak panah dalam 1 end sahaja.
- Masa dibenarkan: 180 saat
- Pemenang dengan jumlah markah tertinggi akan mara ke pusingan seterusnya.
- Sekiranya seri, penentuan akan dibuat mengikut peraturan rasmi Turkiye Conquest Cup.

TAAM BERPASUKAN LELAKI & WANITA (TRIO) – PUSINGAN KELAYAKAN

- Setiap pasukan terdiri daripada 3 orang pemanah.
- Setiap pemanah akan ditugaskan jarak sasaran yang berbeza.
- Contoh:
 - Pemanah A: jarak sasaran 30m
 - Pemanah B: jarak sasaran 40m
 - Pemanah C: jarak sasaran 50m
- Setiap pemanah wajib memanah 6 anak panah bagi setiap end.
- Pemanah akan memanah secara bergilir-gilir (mengikut urutan):
 - Urutan 1: Pemanah A – 30m, 6 anak panah, 120 saat
 - Urutan 2: Pemanah B – 40m, 6 anak panah, 120 saat
 - Urutan 3: Pemanah C – 50m, 6 anak panah, 120 saat
- Jumlah end: 5 end
- Masa dibenarkan bagi setiap end: 120 saat
- Kedudukan akhir akan ditentukan berdasarkan jumlah markah daripada kesemua 90 anak panah (3 pemanah × 6 panah × 5 end).
- 64 pasukan terbaik akan mara ke Pusingan Penyaringan Berpasukan (1/32).

TAAM BERPASUKAN LELAKI & WANITA (TRIO) – PUSINGAN PENYINGKIRAN (1/32)

- Setiap pasukan terdiri daripada 3 orang pemanah.
- Setiap pemanah akan ditugaskan jarak sasaran yang berbeza.
- Contoh:
 - Pemanah A: jarak sasaran 30m
 - Pemanah B: jarak sasaran 40m
 - Pemanah C: jarak sasaran 50m
- Setiap pemanah perlu memanah 3 anak panah bagi setiap end.
- Pemanah akan memanah secara bergilir-gilir (mengikut urutan):
 - Urutan 1: Pemanah A – 30m, 3 anak panah, 60 saat
 - Urutan 2: Pemanah B – 40m, 3 anak panah, 60 saat
 - Urutan 3: Pemanah C – 50m, 3 anak panah, 60 saat
- Jumlah pusingan: 3 pusingan
- Masa dibenarkan bagi setiap urutan/end: 60 saat
- Kedudukan akhir akan dikira berdasarkan jumlah markah daripada semua 27 anak panah (3 pemanah × 3 panah × 3 pusingan).
- Sistem 3 set / markah terkumpul digunakan – pemenang akan mara ke pusingan seterusnya.
- Jika berlaku seri, penentuan dibuat melalui 1 anak panah bagi setiap seorang pemanah untuk penentuan pada jarak 30m. Markah tertinggi / paling hampir ke titik puncak (5) akan menang.


TAAM JUNIOR (LELAKI & PEREMPUAN) INDIVIDU – PUSINGAN KELAYAKAN

- Setiap pemanah perlu memanah 6 anak panah bagi setiap end.
- Terdapat 10 end (5 end × 2 pusingan), dengan jarak seperti berikut:
 - Bawah 17 Tahun (Lelaki & Perempuan):
 - 6 anak panah × 10 end pada jarak 30 meter
 - Bawah 15 Tahun (Lelaki & Perempuan):
 - 6 anak panah × 10 end pada jarak 25 meter
 - Bawah 12 Tahun (Lelaki & Perempuan):
 - 6 anak panah × 10 end pada jarak 20 meter
- Masa yang dibenarkan bagi setiap end: 120 saat
- Kedudukan akhir pemanah akan ditentukan berdasarkan jumlah markah selepas 60 anak panah.
- Tiada Pusingan Penyingkiran (ER) untuk acara individu kategori junior.

SASARAN


Muka Sasaran Rasmi TAAM

- Muka sasaran rasmi TAAM mempunyai diameter 80 cm, seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi di bawah.
- Format pemarkahan adalah 5, 4, 3, 2 dan 1 mata.
- Ketinggian muka sasaran dari permukaan tanah ialah antara 160 cm hingga 165 cm, diukur dari bahagian atas (titik puncak) segitiga merah ke tanah.



Muka Sasaran Turkiye

- Muka sasaran Turkiye mempunyai diameter 60 cm, seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi di bawah.
- Format pemarkahan:
 - Lingkaran tengah (20 cm): 2 mata
 - Lingkaran selebihnya (hingga 60 cm): 1 mata



PERATURAN PEMARKAHAN

Prosedur Pemarkahan

Setiap pemanah dikehendaki mengisi kad markah sendiri semasa pertandingan. Sistem IANSEO akan digunakan untuk pemarkahan sepanjang pertandingan. Pemanah dikehendaki memasang aplikasi IANSEO NG dalam telefon pintar masing-masing untuk tujuan pemarkahan.

Penalti

Penalti akan dikenakan dalam situasi berikut:

- Anak panah dilepaskan sebelum isyarat mula.
- Anak panah dilepaskan selepas isyarat tamat.
- Memanah melebihi jumlah anak panah yang dibenarkan bagi setiap end.

Setiap penalti akan dikenakan dengan penolakan markah anak panah tertinggi dalam end tersebut.

Bagi kes memanah melebihi jumlah yang dibenarkan, hanya jumlah anak panah yang sah dengan markah terendah akan dikira.

Anak Panah Melantun atau Tembus Sasaran

- Jika anak panah melantun akibat terkena anak panah lain dan terdapat kerosakan yang dapat dilihat (contoh:nock pecah), markah akan dikira berdasarkan anak panah yang terkena.
- Jika anak panah melantun tanpa sebarang kesan yang jelas, markah tidak akan dikira.
- Jika anak panah menembusi sasaran tanpa meninggalkan kesan atau lubang, markah juga tidak akan dikira.



PERATURAN PERALATAN

- Bahagian ini menerangkan jenis peralatan yang dibenarkan untuk digunakan oleh atlet sepanjang kejohanan.
- Menjadi tanggungjawab setiap atlet untuk memastikan bahawa peralatan yang digunakan mematuhi peraturan ini.
- Mana-mana atlet yang didapati menggunakan peralatan yang melanggar peraturan ini akan dibatalkan markahnya.
- Semua peralatan yang digunakan semasa pertandingan, termasuk peralatan simpanan atau gantian, mesti lulus pemeriksaan peralatan pada hari kejohanan.

BUSUR

- Sebarang jenis busur tradisional dibenarkan, selagi ia menepati definisi umum "busur tradisional" seperti yang digunakan dalam memanah sasaran.
- Busur satu bahagian (One-Piece) atau dua bahagian (Two-Piece / Take Down dengan penyambung) adalah dibenarkan.
- Busur boleh diperbuat daripada sebarang bahan, asalkan ia selamat untuk digunakan oleh pemanah.
- Ciri-Ciri Yang Dilarang
 - Tingkap sasaran (sight window), penyandar anak panah (shelf/arrow rest) adalah tidak dibenarkan.
 - Sebarang alat atau tanda yang membantu dalam membidik tidak dibenarkan pada tali atau lengan busur.
 - Stabilisers dan berat tambahan juga tidak dibenarkan.
- Bahagian Lintasan Anak Panah (Arrow Pass)
 - Lebar minimum *arrow pass* anak panah ialah 15 mm.
- Reka Bentuk Busur
 - Busur mestilah dibuat oleh pembuat busur (bowyer) sebagai busur tradisional dan bukan hasil pengubahsuaian busur moden (seperti busur recurve) yang diubah suai agar kelihatan seperti busur tradisional.
- Penggunaan Busur
 - Pemanah dibenarkan menukar busur jika berlaku kerosakan semasa kejohanan.
 - Masa tambahan akan diberikan sekiranya terdapat isu peralatan, dengan kebenaran pegawai pertandingan atau pengadil.



TALI BUSUR (BOWSTRING)

Sebarang jenis tali busur yang selamat dan sesuai untuk busur tradisional adalah dibenarkan.

- Warna
 - Tali busur dalam apa-apa warna adalah dibenarkan.
- Bantuan Membidik
 - Sebarang tanda atau alat pada tali busur yang boleh dianggap sebagai alat bantuan membidik adalah tidak dibenarkan.
- Penanda Bibir & Hidung (Kisser / Nose Button)
 - Penanda bibir dan hidung (kisser/nose button) tidak dibenarkan.
- Titik Nocking (Nocking Points)
 - Satu atau dua titik nocking dibenarkan.
 - Jika dua digunakan, jarak antara kedua-duanya tidak boleh melebihi lebar nock anak panah.
- Peredam Bunyi Tali (String Silencer)
 - String silencer dibenarkan digunakan.

ANAK PANAH (ARROWS)

Anak panah mestilah mematuhi definisi umum "anak panah" seperti yang digunakan dalam memanah sasaran dan tidak boleh menyebabkan kerosakan keterlaluan pada sasaran.

Anak Panah Alami (Natural Arrows)

- Hanya anak panah alami dibenarkan dalam kategori Lelaki dan Wanita.
- Batang Anak Panah Hibrid (Hybrid Arrow Shafts)
 - Batang anak panah hibrid (contoh: gabungan kayu + karbon atau bahan seumpamanya) tidak dibenarkan.
- Cresting (Hiasan)
 - Hiasan (cresting) pada batang anak panah adalah dibenarkan.
 - Walau bagaimanapun, membalut (wrapping) batang anak panah tidak dibenarkan.
- Tanda Panjang Tarikan (Draw Length Markings)
 - Sebarang tanda pada batang anak panah yang menunjukkan panjang tarikan tidak dibenarkan.
- Mata Anak Panah (Arrow Points)
 - Sebarang jenis mata anak panah dibenarkan kecuali broadhead.
 - Panjang maksimum mata panah ialah 5 cm dan diameter tidak melebihi 9.5 mm.
- Nock
 - Untuk anak panah semula jadi, hanya self-nock dan nock semula jadi yang dibenarkan.
 - Nock plastik adalah dilarang sama sekali.
 - Nock bukan self-nock mestilah dipasang kekal pada batang dan tidak boleh ditanggalkan semasa pertandingan.
- Fletching (Bulu Panah)
 - Hanya fletching daripada bulu asli / semula jadi dibenarkan.
 - Jenis dan warna fletching mestilah seragam untuk semua anak panah.
- Penandaan Anak Panah (Arrow Markings)
 - Semua anak panah mesti ditandakan dengan singkatan nama pemanah pada bahagian batang yang sesuai.

ANAK PANAH BUKAN ALAMI / KARBON

Bagi anak panah bukan alami, peraturan yang sama seperti anak panah alami terpakai, kecuali perkara berikut:

- Batang Hibrid (Hybrid Shafts)
 - Batang anak panah hibrid (contoh: kayu + karbon) dibenarkan.
- Balutan Batang Panah (Wrapping)
 - Membalut batang anak panah adalah dibenarkan.
- Nock
 - Semua jenis nock dibenarkan.

PERLINDUNGAN JARI (FINGER PROTECTION)

Semua jenis perlindungan jari seperti cincin ibu jari (thumb ring), pita, sarung tangan, tab jari, atau gabungan mana-mana alat ini dibenarkan, asalkan tiada alat tambahan digunakan untuk membantu menarik dan melepaskan tali busur.

- Alat Pelepasan Mekanikal (Mechanical Release)
 - Penggunaan alat lepasan mekanikal adalah tidak dibenarkan.



AKSESORI MEMANAH

Aksesori seperti pelindung lengan (armguard), pelindung dada (chest guard), perisai (armor), tali pinggang, selempang, dan aksesori badan lain adalah dibenarkan, asalkan tidak mengganggu atlet lain di garisan pemanah.

- Quiver Tanah (Ground Quiver)
 - Penggunaan ground quiver (tiub anak panah di tanah) tidak dibenarkan di garisan pemanah.
 - Semua peserta mesti memakai quiver semasa berada di garisan pemanah.
- Penggunaan Sling
 - Finger sling dan wrist sling tidak dibenarkan.
- Bantuan Visual (Visual Aids)
 - Penggunaan teropong (binoculars), scope, dan alat visual lain hanya dibenarkan di belakang garisan menunggu.
 - Penggunaan penutup mata (eye patch) dan cermin mata preskripsi adalah dibenarkan, tetapi cermin mata membidik (shooting glasses) tidak dibenarkan.
- Tanda Pada Badan atau Peralatan
 - Menandakan mana-mana bahagian muka, badan, pakaian, atau peralatan sebagai panduan untuk jarak, tarikan, atau bidikan adalah dilarang.



PAKAIAN

Pakaian yang melambangkan memanah tradisional dan sesuai dengan keadaan cuaca tempatan mesti dipakai oleh semua peserta.

- Pakaian Corak Kamouflaj
 - Pakaian dan peralatan bercorak kamouflaj (camouflage) tidak dibenarkan.
- Jeans tidak dibenarkan.
- Kasut
 - Semua pemanah mesti memakai kasut yang menutupi keseluruhan kaki dari buku lali ke bawah.
 - Penggunaan selipar, sandal, dan kasut gaya Crocs adalah tidak dibenarkan.

PERATURAN AM

- Selain daripada peraturan yang terkandung dalam buku peraturan ini, pihak penganjur berhak untuk menghalang mana-mana pemanah daripada menyertai kejohanan sekiranya didapati mengancam keselamatan diri sendiri atau orang lain semasa memamah.
- Sebarang kejadian luar jangka atau situasi yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Panel Rayuan dan Jawatankuasa Teknikal yang dilantik oleh penganjur.
- Semua keputusan yang dibuat oleh Panel Rayuan, Jawatankuasa Teknikal dan Pegawai Kejohanan adalah muktamad.
- Sebarang rayuan mestilah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan deposit sebanyak RM300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja).
- Deposit tersebut tidak akan dikembalikan sekiranya rayuan ditolak atau dianggap tidak berasas.
- Semua rayuan mestilah dikemukakan dalam tempoh 30 minit selepas keputusan diumumkan.
- Rekod kebangsaan akan diiktiraf dalam kejohanan ini bagi kategori Individu Terbuka, dengan syarat hanya anak panah semula jadi digunakan.
- Persatuan Memamah Tradisional Malaysia (TAAM) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan atau kecederaan yang berlaku kepada atlet atau pegawai sepanjang kejohanan.
- Ini termasuk kehilangan harta peribadi, peralatan, dan perjalanan dari rumah ke lokasi kejohanan.
- Kejohanan ini akan dijalankan mengikut Protokol Am Individu dan Penganjuran Kejohanan/Pertandingan Tempatan seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan.



Sebarang pertanyaan, email kepada : admin@taam.my